

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG**

**TARIKH : 18.6.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk memberi kelonggaran kepada anak-anak para pendidik untuk memasuki universiti awam serta mendapatkan biasiswa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Justeru, Kementerian tidak bercadang untuk memberi kelonggaran kepada mana-mana pihak memasuki universiti awam buat masa ini memandangkan sistem meritokrasi yang diguna pakai sekarang adalah relevan dan pemohon dinilai berdasarkan pencapaian akademik dan kurikulum tanpa mewujudkan sebarang elemen diskriminasi yang memberi kelebihan kepada pihak-pihak tertentu.

Mengenai peluang mendapatkan biasiswa, Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ada menyediakan 19 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan/pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran. Pemberian biasiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor kelayakan yang mana Kerajaan sentiasa memastikan pemberian biasiswa di peringkat pengajian tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosio-ekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia. Langkah ini diperaktikkan bagi memastikan keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan dan pembangunan modal insan yang seimbang di seluruh negara.

Ini merupakan usaha pihak Kerajaan yang sentiasa meluaskan peluang dan akses pengajian tinggi melalui penyediaan pembiayaan kepada semua peringkat pelajar yang berkelayakan, termasuk pelajar dari kalangan anak-anak pendidik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[KUBANG PASU]**

**SOALAN : 47**

**TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh JPJ untuk membanteras penyalahguna ICP oleh van-van pelancong (teksi sapu) daripada Thailand yang telah menjaskan pendapatan teksi tempatan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pemandu-pemandu teksi tempatan yang mengalami kerugian teruk daripada perkhidmatan van-van pelancong (teksi sapu) daripada Thailand ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar akan kegiatan haram yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha van dari Thailand yang menyalahgunakan Permit Peredaran Antarabangsa (ICP) dengan beroperasi sebagai kenderaan pengangkutan awam. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan sesi perjumpaan dengan persatuan teksi Bukit Kayu Hitam pada 13 Februari 2014 yang lepas. Perjumpaan ini adalah bertujuan mencari mekanisme terbaik untuk membantu pengusaha-pengusaha teksi tempatan mengambilkira aspek ekonomi pelancongan, kesan terhadap pengusaha teksi tempatan dan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Thailand.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai cadangan telah dikemukakan kepada Kerajaan dalam menangani isu tersebut termasuklah mempergiatkan elemen penguatkuasaan di pintu sempadan Bukit Kayu Hitam selain mengkaji semula kelonggaran pengecualian ICP dalam lingkungan 2km yang dibenarkan terhadap kenderaan Thailand sebagai timbal balas kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan Thailand. Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan melalui JPJ Mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan di sempadan mulai 24 April 2014 bagi memastikan semua kenderaan asing yang memasuki sempadan Malaysia mematuhi peraturan-peraturan negara khususnya sempadan di

Bukit Kayu Hitam melalui sekatan jalan raya yang diadakan di laluan utama 2 km daripada sempadan.

Selain itu, penguatkuasaan juga dilakukan melalui unit-unit ronda JPJ bagi memantau kenderaan-kenderaan asing yang tidak mempunyai permit peredaran antarabangsa (ICP) yang terlepas keluar daripada had 2 km yang dibenarkan oleh kerajaan memasuki malaysia tanpa ICP. Hasil daripada penguatkuasaan yang drastik ini, pihak JPJ telah mengesan kesalahan-kesalahan yang melibatkan kenderaan dari Thailand termasuklah penyalahgunaan ICP, tidak mempunyai ICP, tidak mempunyai lesen memandu, tidak mempunyai insuran dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan teknikal.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pengusaha van haram dari Thailand. Berdasarkan laporan dari Wisma Putra, pengusaha-pengusaha van Thailand tersebut telah mengadakan demonstrasi di Danok dan nota bantahan telah dihantar ke Pejabat Konsulat Malaysia di Songkla, Thailand. Walaupun mendapat bantahan dan provokasi dari pihak mereka, pihak JPJ sehingga hari ini akan terus menjalankan penguatkuasaan dan tidak akan berkompromi dengan isu penyalahgunaan ICP yang melibatkan van haram dari Thailand. Adalah diharapkan inisiatif ini akan mendapat sokongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian termasuk Yang Berhormat Kubang Pasu.